

# Jangan bergantung kepada AS: Mahathir

TOKYO, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Jepun supaya tidak lagi bergantung kepada Amerika Syarikat dalam melaksanakan tugas sejabatnya sebagai sebuah kuasa ekonomi, lapor sebuah akhbar Jepun hari ini.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan Jepun sewajarnya menjalinkan hubungan dengan negara-negara Asia Timur setaraf dengan hubungan negara itu dengan Amerika Syarikat dan Eropah.

Menurutnya, Jepun ketika ini memandang rendah hubungannya dengan Asia dan meletakkan kedudukan negara berkenaan lebih rendah dari segi keutamaan berbanding hubungannya dengan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata demikian dalam satu wawancara dengan akhbar *Tokyo Shimbun*, semalam.

Perdana Menteri juga memperbaharui desakan

supaya Jepun menyertai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkannya sebagai sebuah forum perdagangan dan pelaburan tetapi tidak membabitkan rakan tetap Asia Pasifik seperti Amerika Syarikat dan Kanada.

Beliau berkata, Jepun boleh menjadi anggota EAEC dan pada masa yang sama sebagai ahli forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec). Ini kerana Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico, semuanya anggota Apec, turut menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia akan menyertai sidang kemuncak ketiga Apec di Osaka, Jepun, November ini jika Kuala Lumpur boleh mengambil bahagian dalam proses merangka perisytiharan, menurut akhbar itu.

Menurutnya, dua sidang kemuncak Apec sebelum ini bersetuju men-

genai draf perisytiharan tanpa membuat rujukan kepada semua negara anggota ataupun membahaskan isu berkaitan.

Beliau juga menegaskan bahawa kehadiran tentera Amerika Syarikat tidak perlu untuk keselamatan negara Asia. Kehadiran tentera seumpama itu hanya perlu jika wujud sebuah negara musuh, sekaligus mencetuskan ketegangan sesama negara di rantau ini.

Dr Mahathir juga mengulangi pendiriannya bahawa Jepun tidak perlu lagi untuk meminta maaf berhubung keganasannya ketika Perang Dunia Kedua kepada negara Asia lain.

"Jepun sewajarnya tidak perlu lagi berasa bersalah, tetapi bertindak biasa seperti negara lain," katanya.

Beliau meminta Jepun menunaikan tanggungjawabnya sebagai sebuah negara kuasa ekonomi di arena antarabangsa. - AFP